

TAJUK

KONFLIK DALAMAN DAN PROSES PEMBENTUKAN IDENTITI : APLIKASI TEORI ADLERIAN DALAM KAUNSELING INDIVIDU

Nur Aimie Syadiyah Binti Mohd Hozani¹, Sabihah Johan²

¹ Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Abstrak: Isu psikososial merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh pelajar universiti yang boleh berpunca daripada tekanan keluarga, konflik diri dan juga emosi. Kajian kes ini bertujuan untuk meneroka bagaimana pendekatan Teori Adlerian dapat membantu pelajar universiti yang berhadapan dengan konflik dalaman dan proses pembentukan identiti. Konseptualisasi kes adalah berdasarkan sesi kaunseling pelajar lelaki yang mempunyai konflik antara keinginan diri dan keluarga. Sesi telah dijalankan berasaskan empat fasa dalam terapi Adlerian iaitu pembinaan hubungan, penerokaan gaya hidup, dorongan wawasan (*insight*) dan orientasi semula. Hasil kajian menunjukkan klien mempunyai perubahan dari sudut kesedaran sendiri, keseimbangan antara tanggungjawab sosial dan diri, dan menetapkan sempadan antara diri dan keluarganya. Hasil kajian juga menunjukkan kepentingan nilai kerohanian dan konsep *social interest* terhadap kesejahteraan psikososial klien.

Kata kunci: **teori Adlerian, pembentukan identiti diri, konflik dalaman, kaunseling individu**